

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 23/06/2024
Edisi / Muka Surat : Nasional / 33
Tajuk : Kongres koperasi selepas 55 tahun

Kongres koperasi selepas 55 tahun

Angkasa sasar 5,000 ahli sempena Kongres Koperasi Kebangsaan pada Julai ini

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
PETALING JAYA

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasarkankan kehadiran seramai 5,000 ahli sempena penganjuran Kongres Koperasi Kebangsaan pada tahun ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fatah Abdullah berkata, kongres yang buat kali pertama diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) itu akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 25 dan 26 Julai.

Jelas beliau, penganjuran program yang melibatkan ahli seluruh cawangan itu bertujuan membincangkan beberapa isu dan cabaran termasuk dari segi jati diri, ekosistem serta kelestarian koperasi.

"Kongres Koperasi Kebangsaan ini

merupakan platform terbaik untuk kita memohon pertimbangan daripada pihak kerajaan kerana kali terakhir kongres koperasi diadakan adalah pada 1969 iaitu 55 tahun lalu.

"Sebelum ini kita ada buat libat urus di seluruh Malaysia. Sekurang-kurangnya kita mahu dengar pandangan daripada ahli, kemudian kita mahu bawa kepada kerajaan bahawa inilah yang gerakan koperasi mahu kerajaan buat.

"Kita bincang mengenai hala tuju itu bukan untuk setahun tetapi 100 tahun akan datang. Kita hendak pastikan koperasi di Malaysia juga sama penting dengan koperasi negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-38 di Wisma Ungku A Aziz, Kelana Jaya pada Sabtu.

Sementara itu, menurut Abdul Fatah, MAPA ke-38 membincangkan agenda bagi meluluskan perniagaan baharu yang mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai usaha berterusan dalam memperkasa pertumbuhan sektor koperasi negara.

Menurutnya, antara agenda tersebut ialah pelaksanaan Projek Inkubator Pusat Pemrosesan Coklat Single Origin Bean to Bar, Projek Inkubator Lembu Pedaging Fasa 1 dan Permohonan Kelulusan Kemudahan Kredit Pusingan (Revolving



Abdul Fatah (dua dari kiri) ketika sidang akhbar Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa ke-38 di Wisma Ungku A Aziz, Kelana Jaya pada Sabtu.

Credit).

Selain itu, katanya, turut dibincangkan permohonan Peruntukan Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi dan Projek Keterjaminan Makanan serta permohonan pinjaman ke MyAngkasa Holding Sdn Bhd (MHSB) bagi penubuhan 10 pusat dialisis baharu.

"Pada tahun lalu kita meluluskan RM18 juta dan kali ini mencadangkan supaya anggaran peruntukan sebanyak

RM30 juta.

"Langkah ini sebahagian daripada strategi bagi memperkukuhkan ekonomi koperasi dan meningkatkan daya saingnya di pasaran domestik serta antarabangsa," ujarnya.

Pada mesyuarat tersebut, Anggota Lembaga Angkasa iaitu Datuk Mohamad Ali Hasan dan Datuk Kamarudin Ismail, masing-masing dipilih untuk kekal menerajui kedudukan tersebut.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA